

Perumpamaan Indah Buat Sang Munafik: Surah *al-Baqarah* (17-20)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2018). "Perumpamaan Indah Buat Sang Munafik: Surah *al-Baqarah* (17-20)" in *Program Budaya al-Quran* pada 9hb Ogos 2018 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-13.

Abstract

Terdapat dua jenis munafik yang digambarkan oleh Allah SWT dalam dua perumpamaan yang indah. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mendapatkan tafsiran ayat Surah al-Baqarah (2: 7-20). Hasil daptan menunjukkan ayat ini membincangkan tentang dua jenis orang munafik yang boleh dijadikan pedoman kepada umat Islam kini. Golongan pertama ialah golongan yang sama sekali hatinya tidak beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Mereka hanya mengambil faedah daripada keselamatan nyawa diri dan ahli keluarga, serta harta mereka atas pengakuan mereka sebagai Muslim. Golongan ini sama sekali disiksa oleh Allah SWT sebaik sahaja mereka mati. Golongan kedua pula ialah golongan yang beriman namun keimanan mereka dicampuri dengan sifat nifak. Kebinasan mereka bergantung kepada tahap iman dan nifak mereka kepada al-Quran dan ajaran Islam. Namun mereka akan juga disiksa atas sifat nifak mereka.

References

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu‘ay al-Arnaut & ‘Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu’assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanibhi wa Ayyamibhi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Razi, Muhammad ‘Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Ibn ‘Abbas, Abdullah ‘Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu ‘Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya‘kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub ‘Imiyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A‘zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 2hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Perumpamaan Indah Buat Sang Munafiq*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 9hb Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, Abu al-Husayn. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

PERUMPAMAAN INDAH BUAT SANG MUNAFIK: SURAH AL-BAQARAH (2: 17-20)*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Abstrak

Terdapat dua jenis munafik yang digambarkan oleh Allah SWT dalam dua perumpamaan yang indah. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mendapatkan tafsiran ayat Surah al-Baqarah (2: 7-20). Hasil dapatan menunjukkan ayat ini membincangkan tentang dua jenis orang munafik yang boleh dijadikan pedoman kepada umat Islam kini. Golongan pertama ialah golongan yang sama sekali hatinya tidak beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Mereka hanya mengambil faedah daripada keselamatan nyawa diri dan ahli keluarga, serta harta mereka atas pengakuan mereka sebagai Muslim. Golongan ini sama sekali disiksa oleh Allah SWT sebaik sahaja mereka mati. Golongan kedua pula ialah golongan yang beriman namun keimanan mereka dicampuri dengan sifat nifak. Kebinarsan mereka bergantung kepada tahap iman dan nifak mereka kepada al-Quran dan ajaran Islam. Namun mereka akan juga disiksa atas sifat nifak mereka.

Kata kunci: Munafik, perumpamaan golongan munafik, dan jenis munafik

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَثْلُهُمْ كَمَثْلِ الَّذِي أَسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ
بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلْمَتِ لَّا يُبَصِّرُونَ ﴿١٧﴾

* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 9hb. Ogos 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

يَرْجِعُونَ ﴿١٨﴾ أَوْ كَصَيْبٍ مِّنْ الْسَّمَاءِ فِيهِ ظُلْمَتُ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ
 يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِيَءَ اذَا نِهَمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرُ الْمَوْتِ وَاللهُ مُحِيطٌ
 بِالْكَفِرِينَ ﴿١٩﴾ يَكَادُ الْبَرْقُ يَخْطُفُ أَبْصَرَهُمْ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوِّافِيهِ
 وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَرُهُمْ إِنَّ اللَّهَ
 عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

Maksud: Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun). (17) Mereka (seolah-olah orang yang) pekak, bisu dan buta; dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran). (18) Atau (bandingannya) seperti (orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap-gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang yang kafir itu. (19) Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka; tiap-tiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya), mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya). Dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya dihilangkan-Nya pendengaran dan penglihatan mereka; sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (20)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 16-20)

PENGENALAN

Selepas Allah SWT membincangkan tentang ciri orang munafik (Al-Sabuni, 1981: 1/36; Jasmi, 2018a), Allah SWT membuat rumusan tentang ciri orang munafik ini dengan dua perumpamaan yang sangat indah bagi menggambarkan tentang dua jenis munafik dan kesan buruknya situasi golongan ini dalam kehidupan mereka bukan sahaja di dunia bahkan juga di alam akhirat (Al-Sabuni, 1981: 1/37; Jasmi, 2018b).

TAFSIRAN AYAT

Tafsiran ayat terbahagi dua bahagian perbandingan. Perbandingan pertama terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2: 17-18) bagi menggambarkan golongan pertama munafik, manakala perbandingan kedua terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2: 19-20) bagi menggambarkan jenis kedua golongan munafik.

Tafsir al-Baqarah (2: 17-18)

Allah SWT memulakan perbandingan pertama orang munafik dengan situasi seorang yang sedang menghidupkan api bagi menerangi kegelapan malam sebagaimana firman-Nya:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي أَسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا آتَاهُمْ أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ
 ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَرَكِّبُهُمْ فِي ظُلْمَتِ لَآيُّبُصُرُونَ

Maksud: *Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalaikan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun). (17)*

Ayat ini memberi penjelasan bahawa perbandingan orang munafik yang memilih kesesatan selepas mendapat hidayah ini menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/186) seperti seseorang yang menghidupkan unggan api pada waktu malam yang gelap dan pekat sehingga orang itu mampu melihat dengan jelas apa yang ada di sekitar unggan api sama ada di depan, di belakang, kiri, dan kanan. Tiba-tiba unggan api itu terpadam sama sekali sehingga mereka tidak mampu melihat keadaan sekeliling dan dalam masa yang sama mereka juga menjadi seorang buta, pekak serta bisu. Sekalipun jika unggan api itu dihidupan semula mereka tetap juga tidak mampu melihat apa yang berlaku di sekeliling unggan api tersebut.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/187) melanjutkan huraian tentang ayat yang bermaksud, “(*tiba-tiba*) *Allah hilangkan cabaya (yang menerangi) mereka*”, iaitu Allah SWT menghilangkan apa yang memberikan mereka manfaat berupa cahaya yang terang untuk mereka mampu melihat dan menjadikan mereka dalam kemudaratannya disebabkan terbakar dan berada pula dalam asap yang pekat. Tambahan pula mereka tetap berada dalam kegelapan malam sehingga keadaan mereka disifatkan oleh Allah SWT dengan:

صُمُّودُكُمْ عَمِّي فَهُمْ لَا يَرَجِعُونَ
وَلَا يَرَجِعُونَ

Maksud: *Mereka (seolah-olah orang yang) pekak, bisu dan buta; dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran).* (18)

Perbandingan ini memberi penjelasan bahawa unggan api tersebut diumpamakan seperti hidayah Allah SWT kepada golongan munafik ini. Pada asalnya mereka mampu melihat ajaran Islam dengan baik serta faedah yang diperoleh oleh mereka dalam bentuk kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana kemampuan orang celik berjalan di jalanan dan sebagaimana mampunya orang yang menghidupkan unggan api untuk melihat sekeliling unggan api. Lalu mereka melanggar perintah Allah SWT dan ajaran Rasulullah SAW sehingga datang syak dan keraguan yang menjerumuskan diri

mereka dengan kekufuran yang total sebagai perbandingan mereka menjadi buta, pekak dan bisu sehingga cahaya (hidayah) yang ada tidak lagi mampu untuk memberi pertunjuk buat diri mereka untuk kembali ke jalan kebanaran.

Imam Al-Razi (1999: 2/312) menambah bahawa hal keadaan orang munafik yang dibuat perbandingan oleh Allah SWT tersebut sangat tepat. Hal ini disebabkan golongan ini pada mulanya sudah mendapat nur hidayah kemudian Allah SWT menghilangkan nur dan hidayah tersebut dengan sebab sifat syak, ragu, dan sifat munafik sehingga kehidupannya menjadi bingung dan hilang pegangan agama.

Kenyataan al-Razi ini diperkuakuan dengan kata-kata Ibn 'Abbas dan Ibn Mas'ud Ibn al-Kathir (1999: 1/187) yang menjelaskan bahawa beberapa orang sahabat ada berkata, "Sesungguhnya ada beberapa orang memeluk Islam ketika Nabi SAW baru berhijrah ke Madinah. Kemudian mereka menjadi munafik kerana meragui ajaran dan tuntutan perintah Islam. Pada asalnya mereka ini tahu dan kenal dengan perkara halal dan haram serta baik dan buruk. Akibat daripada keraguan yang timbul dalam hati, mereka menjadi keliru sehingga tidak lagi mampu mengenal halal dan haram serta baik dan buruk ajaran Islam tersebut.

Bagi Imam Ibn 'Abbas (t.th.: 5) pula, beliau menafsirkan bahawa cahaya api daripada unggun yang membolehkan golongan ini melihat keadaan sekeliling sebagai gambaran bahawa golongan munafik ini mendapat manfaat diri, keluarga, dan harta mereka daripada dibunuhan dan dirampas sebagaimana tuntutan hadis (Al-Bukhari, 2001: 2946; Muslim, t.th.: 20). Namun, tiba-tiba apabila api itu terpadam merujuk kepada apabila mereka mati, iaitu sifat terpadam api dan sifat mati itu sama, maka pada ketika ini Allah SWT hilangkan cahaya yang menyinari mereka dan membiarkan mereka dalam bencana huru-hara dalam kubur sehingga mereka sama sekali tidak dapat melihat dan merasai kesanangan di dalam kubur mereka. Golongan ini menurut Ibn 'Abbas sebagai golongan yang pura-pura tuli, pura-pura bisu dan pura-pura buta terhadap ajaran Islam sehingga mereka tidak akan kembali ke jalan yang benar daripada kekufuran dan kesesatan mereka.

Tafsir al-Baqarah (2: 19-20)

Perumpamaan yang kedua pula tentang jenis kedua orang munafik dijelaskan oleh Allah SWT dalam ayat yang seterusnya:

أَوْ كَصِيبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلْمَتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ
 أَصَبِّعَهُمْ فِيَّ إِذَا نِهَمُ مِنَ الْصَّوَاعِقِ حَذَرُ الْمَوْتَ وَاللهُ
 هُمْ بِالْكَفَرِ بِالْكَفِيرِينَ ﴿١٩﴾ يَكَادُ الْبَرْقُ يَخْطُفُ أَبْصَرَهُمْ كُلَّمَا آتَاهُمْ
 مُحِيطٌ بِالْكَفَرِينَ ﴿٢٠﴾ إِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا وَلَوْ شَاءَ اللهُ لَذَهَبَ
 لَهُمْ مَشْوَأً فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا وَلَوْ شَاءَ اللهُ لَذَهَبَ
 بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرَهُمْ إِنَّ اللهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksud: Atau (bandingannya) seperti (orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap-gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang yang kafir itu. (19) Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka; tiap-tiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya), mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya). Dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya dibilangkan-Nya pendengaran dan penglihatan mereka; sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (20)

Ayat ini menjelaskan tentang sikap sebahagian daripada orang munafik yang kadang-kadang mereka reda dengan kebenaran Islam namun kadang-kadang mereka meraguinya. Hati mereka ketika berada dalam syak, kufur, dan ragu ini seperti hujan yang turun. Seolah-olah hujan tersebut turun pada waktu malam yang penuh dengan kegelapan. Kegelapan itulah sifat syak, kufur, dan nifak yang ada dalam diri

mereka. Ajaran Islam dan al-Quran seperti hujan. Manusia perlukan hujan untuk hidup sebagai mana manusia perlu Islam dan ajarannya untuk mendapat pertunjuk dalam kehidupan. Hal ini bermaksud, ada ketikanya al-Quran yang diikuti oleh golongan munafik ini jika dapat memenuhi sebahagian daripada kepentingan mereka dan pada ketika yang lain mereka ragu-ragu apabila al-Quran itu tidak bersesuaian dengan kehendak dan keinginan mereka, lalu mereka berhenti daripada mengikutinya.

Kumpulan munafik ini akan reda, tenang, dan merasa selesa dengan Islam ketika umat Islam mendapat kemenangan. Sebaliknya, ketika umat Islam ditimpa musibah mereka menyalahkan agama Islam dan menjadi bingung sama ingin terus menuruti ajaran Islam atau menjauhkan diri daripada Islam dan ajaran al-Quran. Keadaan mereka ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam ayat yang lain:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ عَلَىٰ حَرَفٍ فَإِنْ أَصَابَهُ وَخَيْرٌ أَطْمَانَ^{١١}
وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ أَنْقَلَبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ خَسِيرًا الدُّنْيَا^{١٢}
وَالْآخِرَةُ ذَلِكَ هُوَ الْخَسْرَانُ الْمُبِينُ^{١٣}

Maksud: *Dan ada antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu; dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesusahan, berbaliklah ia semula (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu) rugilah ia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata. (11)*

(Surah *al-Hajj*, 22: 11)

Namun begitu, orang munafik ini tetap menutup kedua-dua telinga mereka dengan jari mereka kerana takut dengan kematian yang akan menimpa mereka. Kenyataan ini membawa maksud orang munafik amat takut mengetahui kebenaran al-Quran sehingga mereka takut

untuk mendengar tentang al-Quran dan ajaran Islam dengan menutup telinga mereka sebagaimana mereka takut kepada cahaya kilat yang boleh membawa kepada kematian mereka.

Ajaran al-Quran dan agama Islam ini amat jelas dan nyata sehingga hampir mampu menyilaukan padangan mata mereka atau mampu mempengaruhi diri mereka jika mereka memerhati secara mendalam keterangan dalamnya. Namun, mereka tetap menjadi sesat dan keliru serta tidak tahu arah tujuan yang mereka hendak ikuti disebabkan mereka sebenarnya kufur dan ingkar kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Sifat orang munafik ini sebenarnya pernah dijelaskan oleh Baginda SAW dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri (Ahmad, 2001: 11129):

الْقُلُوبُ أَرْبَعَةٌ: قَلْبٌ أَجْرَدٌ فِيهِ مِثْلُ السَّرَاجِ يَزْهَرُ، وَقَلْبٌ
 أَغْلَفُ مَرْبُوطٌ عَلَى غِلَافِهِ، وَقَلْبٌ مَنْكُوسٌ، وَقَلْبٌ مُصْفَحٌ،
 فَأَمَّا الْقَلْبُ الْأَجْرَدُ: فَقَلْبُ الْمُؤْمِنِ سَرَاجٌ فِيهِ نُورٌ، وَأَمَّا
 الْقَلْبُ الْأَغْلَفُ: فَقَلْبُ الْكَافِرِ، وَأَمَّا الْقَلْبُ الْمَنْكُوسُ:
 فَقَلْبُ الْمُنَافِقِ عَرَفَ، ثُمَّ أَنْكَرَ، وَأَمَّا الْقَلْبُ الْمُصْفَحُ:
 فَقَلْبُ إِيمَانٍ وَنِفَاقٍ، فَمَثَلُ الْإِيمَانِ فِيهِ كَمَثَلِ الْبَقْلَةِ
 يَمْدُهَا الْمَاءُ الطَّيِّبُ، وَمَثَلُ النِّفَاقِ فِيهِ كَمَثَلِ الْقُرْحَةِ يَمْدُهَا
 الْقَيْحُ وَالَّدُمُ، فَأَيُّ الْمَدَّيْنِ غَلَبَتْ عَلَى الْأُخْرَى غَلَبَتْ عَلَيْهِ.

Maksud: *Hati manusi itu terbahagi kepada empat: "Hati yang bersih dalamnya bagai lampu yang terang benderang, hati yang tertutup dan akan tetap tertutup, hati yang terbalik, dan hati yang berlapis-lapis. Adapun hati yang bersih adalah hati orang Mukmin dan lampu itu ialah cahaya imannya. Adapun hati yang tertutup ialah hati orang kafir. Adapun hati yang terbalik ialah hati orang munafik*

yang asalnya dia mengetahui kebenaran kemudian mengingkarinya. Adapun hati yang berlapis ialah hati yang ada iman dan nifak. Perumpamaan iman dalamnya bagikan biji yang disirami air yang baik dan contoh nifak seperti luka yang mengerluakan darah dan nanah, maka yang mana lebih kuat akan mengalah yang lain).

(Ahmad)

Sifat cahaya orang Mukmin dan sifat gelap golongan munafik dalam ayat dan hadis yang dibincangkan ini bukan sahaja berlaku ketika mereka di dunia, bahkan ketika mereka berada di Padang Mahsyar. Keadaan cahaya orang Mukmin dan orang Munafik ini digambarkan oleh Allah SWT dalam ayat yang sebagaimana firman-Nya:

يَوْمَ تَرَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ يَسْعَى نُورُهُم بَيْنَ أَيْدِيهِمْ
 وَبِأَيْمَانِهِم بُشِّرَنَّكُمْ الْيَوْمَ جَنَّتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ خَلَدِينَ
 فِيهَا ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٢﴾ يَوْمَ يَقُولُ الْمُنْفِقُونَ وَالْمُنْفَقَاتُ
 لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْظُرُونَا نَقْتِيسَ مِنْ نُورِكُمْ قِيلَ ارْجِعُوا وَرَاءَ كُمْ
 فَالْتَّمِسُوا نُورًا فَضْرِبَ بَيْنَهُمْ بُسُورٌ لَّهُ وَبَابٌ بَاطِنُهُ وَفِيهِ الْرَّحْمَةُ
 وَظَاهِرُهُ وَمِنْ قِبَلِهِ الْعَذَابُ ﴿١٣﴾ يَنَادُونَهُمُ اللَّهُمَّ نَحْنُ مَعَكُمْ قَالُوا بَلَى
 وَلِكُمْ فَتَنْتُمْ أَنفُسَكُمْ وَتَرَصَّمُمْ وَأَرْتَبَّتُمْ وَغَرَّتُمْ الْأَمَانِيَّ
 حَتَّىٰ جَاءَ أَمْرُ اللَّهِ وَغَرَّكُمْ بِاللَّهِ الْغَرُورُ ﴿١٤﴾

Maksud: (*Ingatlah*) ketika engkau melihat (pada hari kiamat): orang yang beriman, lelaki dan perempuan, cahaya (iman dan amal soleh) mereka bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka (semasa mereka berjalan, serta dikatakan kepada mereka): “Berita yang mengembirakan kamu pada hari ini, (kamu akan beroleh) Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, kekal kamu di dalamnya; yang demikian itu adalah kemenangan yang besar.” (12) (*Ingatlah*) semasa orang munafik, lelaki dan perempuan (yang sedang meraba-raba dalam gelap-gelita pada hari kiamat), berkata kepada orang yang beriman: “Tunggulah kami, biarlah kami mengambil sedikit dari cahaya kamu.” (Lalu) dikatakan (kepada mereka secara mengejek-ejek): “Baliklah kamu ke belakang, kemudian carilah cahaya (di sana).” Serta diadakanlah antara mereka (yang beriman dan yang munafik itu) sebuah tembok yang mempunyai pintu, di sebelah dalamnya mengandungi rahmat (Syurga dan nikmat), dan di sebelah luarnya, dari situ terdapat (neraka) dan azab seksa. (13) (*Pada saat itu*) mereka (yang munafik) menyeru orang yang beriman (sambil berkata): “Bukankah kami bercampur gaul dengan kamu (di dunia dahulu)?” Orang yang beriman menjawab: “Benar! Akan tetapi kamu membinasakan diri kamu (dengan perbuatan munafik) dan kamu menunggu-nunggu (kebinasaan umat Islam), dan kamu pula ragu-ragu (terhadap perkara agama) serta kamu diperdayakan oleh angan-angan kosong (untuk mencapai maksud kamu), sehingga datangnya (maut) yang ditetapkan oleh Allah (kepada kamu). Dan (selain itu), kamu pula diperdayakan oleh bisikan Syaitan dengan (pengampunan) Allah (semata-mata dan melupakan azab-Nya).” (14)

(Surah *al-Hadid*, 57: 12-14)

Berdasarkan kedua-dua perumpamaan yang diberitakan oleh Allah SWT bahawa jelas golongan munafik ini terbahagi kepada dua, iaitu golongan yang benar-benar munafik dan golongan yang memiliki iman yang sifat nifik.

PENGAJARAN AYAT

Berdasarkan tafsiran ayat al-Quran, beberapa pengajaran boleh diambil oleh umat Islam dalam rangka memahami dua kategori orang munafik yang berada dalam kalangan umat Islam. Pengajaran tersebut ialah:

- (1) Terdapat dua jenis munafik dalam kalangan umat Islam, iaitu:
 - (a) Golongan mereka yang benar-benar orang munafik, iaitu golongan yang diluar Islam dan golongan dalam hatinya sama sekali sebagai bukan Islam.
 - (b) Golongan mereka yang beriman, namun keimanan mereka bercampur dengan sifat nifaq.
- (2) Ciri golongan munafik yang pertama:
 - (a) Golongan ini pernah beriman kemudian mereka memilih jalan kufur kepada ajaran Islam dan memerangi Islam dari dalam.
 - (b) Cahaya hidayat yang pernah dan sedang menyinari tidak sama sekali tidak mampu mengembalikan mereka kepada ajaran Islam.
 - (c) Keadaan mereka di dunia mendapat keamanan dan keselamatan nyawa terhadap diri, anak dan isteri, serta harta mereka, namun sebaik sahaja mereka mati, mereka akan disiksa secara berterusan.
- (3) Ciri golongan munafik yang kedua:
 - (a) Golongan beriman pada sesetengah perintah Allah SWT yang menepati kehendak dan keinginan diri mereka dan tidak beriman lagi ragu terhadap sebahagian perintah Allah SWT yang tidak menepati dengan keinginan diri.
 - (b) Golongan yang gembira dengan kemenangan Islam yang memberikan manfaat kesenangan diri dan menyalahkan Islam ketika ditimpa dengan ujian dan kesusahan.
 - (c) Imam dan nifak kedua-dua terdapat dalam hati mereka bergantung kepada tahap mana yang lebih berkuasa. Sesetengah mereka tahap keimanan lebih besar daripada nifak, maka dia berada dalam kalangan orang beriman pada

sebahagian besar ajaran Islam. Jika sifat nifak seseorang pula melebih tahap keimanannya, maka mereka akan menentang sebahagian besar ajaran Islam walaupun ada sebahagiannya yang mereka bersetuju.

- (4) Pengajaran ayat kepada umat Islam ialah Umat Islam dituntut untuk mengenali dengan lebih baik musuh mereka dalam Islam dalam kalangan orang munafik:
 - (a) Jika dalam kalangan umat Islam sentiasa menentang al-Quran, Islam, dan ajaran kedua-duanya sekalipun mereka mengaku Islam dan apa yang mereka inginkan Islam dengan pengamalan Islam dengan cara mereka sendiri, maka mereka terdiri daripada golongan munafik yang pertama.
 - (b) Sekiranya dalam kalangan umat Islam terdapat golongan yang menentang sebahagian daripada ajaran al-Quran dan bersetuju kepada sebahagian yang lainnya, maka golongan ini adalah golongan terdiri daripada jenis munafik yang kedua. Kemungkinan golongan ini masih boleh diberikan pertunjuk melalui proses dialog dan debat bagi memberikan penjelasan terhadap sebahagian daripada ajaran Islam yang terdapat keraguan dan syak dalam hati mereka.

Semoga nasihat Allah SWT dalam dua perumpaan yang indah tentang golongan munafik dalam kalangan umat Islam ini mampu memberikan umat Islam kesedaran untuk menangani golongan ini dalam masyarakat Islam. *Amin ya Rabb al-'Alamin.*

RUJUKAN

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanahi wa Ayyamih - Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.

- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'lmiyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 2hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Perumpamaan Indah Buat Sang Munafiq*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran pada 9hb Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, Abu al-Husayn. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



Tel: +(6)07-5537501/37508 Faks: +(6)07-5537532 <http://www.utm.my/islamic-centre> Emel:msi@utm.my

RUJUKAN KAMI :

UTM.J.01.08 / 10.14 / 2 (5)

RUJUKAN TUAN :

7 Mac 2017

Jamadilakhir 1438

Dr. Abd Rahman bin Hamzah
Ustaz Mahyudin bin Md. Sarip
Ustaz Mohd. Firdaus bin Pazim @ Fadzim
Ustaz Panji Alam bin Mazhisham
Ustaz Muhammad Faris bin Mohd Alwi
Ustaz Mohd. Yusoff bin Mohd. Rawi
Ustaz Ibrahim Khalil bin Abdullah

Pusat Islam, UTM Johor Bahru

Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Ismail bin Mustari
Prof. Madya Dr. Ajmain bin Safar
Prof. Madya Ahmad Kilani@A.Kilan bin Mohamed
Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad
Dr. Mohd. Fauzi bin Abu@Hussin
Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi
Dr. Nurazmallail bin Marni
Dr. Idris bin Ismail
Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed
Dr. Aminuddin bin Hehsan
Dr. Mohd Nasir bin Ripin
Dr. Mohd. Nasir bin Masroom
Dr. Wan Hassan bin Wan Embong
Ustaz Md. Abbas bin Abd Latiff
Ustaz Ahmad Puhad bin Alim

Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru

Ustaz Juhazren bin Junaidi
Fakulti Pendidikan, UTM Johor Bahru

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,

PELANTIKAN SEBAGAI PEMBIMBING PROGRAM MEMBUDAYAKAN AL-QURAN PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar Universiti Teknologi Malaysia telah bersetuju untuk melantik saudara sebagai Pembimbing Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

3. Pihak Universiti telah bersetuju melaksanakan Program Pembudayaan Al-Quran berpusat pada setiap hari Khamis, bermula 8.15 pagi hingga 9.15 pagi. Program ini akan dilaksanakan mengikut zon yang telah ditetapkan selaras dengan **Pekeling Pentadbiran Bil. 13/2014**.

....2/-

4. Bagi pihak Pusat Islam saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan saudara dan semoga saudara dapat memberikan kerjasama serta komitmen yang tinggi dalam menjayakan Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian, terima kasih. Wassalam..

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar,



Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam
Pengarah
Pusat Islam
Universiti Teknologi Malaysia
☎ 07-5537500
✉ al-dawamy@utm.my